

# Hadiah loteri tidak wujud, lelaki tipu warga emas kena 111 bulan

## Tertuduh perdaya empat mangsa serah wang hingga rugi RM48,480

Oleh Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 111 bulan dan denda RM16,500 atau 21 bulan penjara terhadap seorang lelaki dari Kalimantan yang memperdaya empat warga emas untuk menuntut hadiah loteri tidak wujud.

Rusli Ruddyng, 50, diadikwa atas empat pertuduhan di Mahkamah Majistret berasingan, kesemuanya dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan yang membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh didenda jika sabit kesalahan.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman penjara 36 bulan dan denda RM6,500 atau penjara enam bulan bagi pertuduhan pertama, sementara pertuduhan kedua, penjara 36 bulan dan denda RM10,000 atau penjara 15 bulan.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan pula mengarahkan tertuduh dipenjara 15 bulan dan 24 bulan penjara masing-masing bagi dua lagi pertuduhan dihadapinya.

Tertuduh bersama seorang lagi lelaki dari Julau



**KE PENJARA:** Rusli (tengah) diiringi polis semasa berada di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

yang masih bebas iaitu Bahri Aneng Abdullah, 55, didakwa menipu empat lelaki warga emas berusia antara 62 dan 72 tahun dengan memperdaya kesemua mangsa menyerahkan wang tunai sehingga membawa kepada kerugian RM48,480.

Malah, seorang daripada mangsa turut menyerahkan seutas rantai emas bersama loket kepada tertuduh dan Bahri.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukannya dalam empat kejadian berasingan, iaitu di hadapan sebuah pusat beli-belah di Jalan Power di sini pada 9 Januari

2025, di premis berhampiran bank masing-masing di Jalan Wisma Satok pada 13 Januari 2025, di Tabuan pada 15 Januari 2025, dan di Stutong pada 8 Oktober 2024.

Fakta kes mendedahkan tertuduh dan Bahri mengumpam mangsa dengan menyatakan mereka telah memenangi tiket loteri bernilai RM200,000, dan kemudiannya meminta mangsa-mangsa membantu menuntutnya kerana tertuduh merupakan warganegara Indonesia.

Tertuduh juga berjanji akan memberikan ganjaran lumayan iaitu wang tunai antara RM20,000 hingga RM50,000

jika mangsa bersetuju menebus tiket loteri berkenaan.

Susulan itu, mangsa-mangsa yang terperdaya dengan taktik tertuduh masing-masing kemudiannya menyerahkan wang dalam jumlah berbeza, iaitu sebanyak RM25,000, RM2,500, RM19,000 dan RM1,980.

Kesemua mangsa bagaimanapun menyedari diri mereka ditipu apabila tertuduh dan Bahri sehingga sekarang tidak menyerahkan wang ganjaran kepada mereka.

Laporan polis dibuat dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapat tertuduh dan Bahri telah membahagikan wang milik kesemua mangsa untuk kegunaan masing-masing.

Malah, polis mendapati Rusli dan Bahri pernah melakukan kesalahan menipu dan merupakan individu yang dikehendaki bagi membantu siasatan-siasatan lain-lain kes.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Kes disiasat oleh Pegawai Penyiasat Inspektor Siti Nur Intan, Sarjan Annie dan Sarjan Mohd Azaha.